

12/10/2000

Cadangan pindaan perlembagaan perlu rasional

KOTA BHARU, Rabu - Setiap cadangan pindaan Perlembagaan Umno yang dikemukakan ahli parti perlu mempunyai rasional bagi memastikan pindaan itu mampu memberi kekuatan dan keutuhan kepada parti.

Selain itu, cadangan berkenaan juga hendaklah memenuhi hasrat dan aspirasi ahli parti, termasuk dalam melihat keupayaan Umno membendung politik wang dan mengurangkan politik dalam parti yang selama ini dianggap antara gejala yang menimbulkan rasa tidak puas ahli.

Ahli Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno, Datuk Annuar Musa, berkata kelulusan beberapa cadangan pindaan itu diharap dapat memberi dimensi baru kepada parti dan ahli di samping berupaya mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Umno.

"Apa yang penting ialah kita perlu melihat objektif sebenar cadangan pindaan perlembagaan ini kerana antara lain ia bertujuan mengurangkan politik dalam parti dan politik wang selain membuka ruang kepada golongan muda serta meningkatkan penyertaan akar umbi," katanya kepada Berita Harian di Pusat Ukhuwah, Tarbiah dan Riadah Rakyat (Putra), Kampung Chengal, dekat sini, hari ini.

Tempoh Umno negeri mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno yang dipengerusikan Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berakhir pada 6 Oktober lalu.

Sebelum ini, Muhyiddin berkata jawatankuasanya dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap cadangan relevan dan mempunyai alasan kukuh sebelum menerimanya untuk disenaraikan dalam draf awal pindaan.

Difahamkan, jawatankuasa itu sudah menyiapkan draf awal pindaan perlembagaan hasil pelbagai cadangan ahli parti di semua peringkat di seluruh negara.

Selain itu, sebarang keputusan berhubung pindaan perlembagaan hanya dapat ditentukan pada Mesyuarat Agung Khas Umno yang dijangka November ini.

Difahamkan juga, sebelum dibawa ke mesyuarat Agung Khas parti, draf awal itu dijangka dibincang pada mesyuarat khas dan laporan itu kemudiannya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Parti yang dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ke Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata antara cadangan popular diterima ialah saranan supaya pemilihan parti diadakan tahun yang sama.

"Buat masa ini kita tidak boleh buat spekulasi kerana semua cadangan pindaan itu perlu dibincang di peringkat tertinggi parti untuk mendapat persetujuan," katanya.

Difahamkan, cadangan pemilihan parti diadakan dalam tahun yang sama dan pemilihan perwakilan ke mesyuarat bahagian berdasarkan jumlah ahli yang hadir pada mesyuarat agung cawangan antara yang mendapat perhatian untuk dimasukkan ke dalam draf awal pindaan.

Cadangan itu adalah salah satu daripada perubahan yang kemungkinan besar diluluskan hasil saranan yang dikemukakan ahli di seluruh negara.

(END)